



KENYATAAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC

KELEMAHAN PROSES KELULUSAN VESEL PUKAT TUNDA OLEH DOF

UNTUK SIARAN SEGERA
7 JULAI 2025

EAIC telah menerima aduan terhadap Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Johor berhubung kelulusan permohonan pindah milik dan/atau pindah pangkalan terhadap 10 buah vesel yang menggunakan pukot tunda tanpa mengikut Dasar Penghapusan Pukot Tunda yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati wujud kelemahan iaitu ketidakaturan dalam kelulusan permohonan oleh DOF terhadap lapan (8) daripada sepuluh (10) buah vesel yang disiasat melibatkan permohonan pindah milik dan/atau pindah pangkalan tersebut.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk kes ini kepada Pihak Berkuasa Tatatertib DOF dengan syor hukuman tatatertib terhadap pegawai terbabit di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], susulan kesalahan ingkar perintah sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(i) peraturan yang sama.

#TAMAT#

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA